

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home &gt; Berita Harian &gt; 3 March 1984 &gt; Page 1 &gt; Agong ringankan hukuman Mokhtar

# Agong ringankan hukuman Mokhtar

Berita Harian, 3 March 1984, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL14465

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# Agong ringankan hukuman Mokhtar

KUALA LUMPUR, Jumaat

YANG Dipertuan Agong berkenan untuk meringankan hukuman mati yang telah dijatuhkan ke atas bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Mokhtar Hashim kepada penjara seumur hidup.

Keputusan itu dicapai selepas Jemaah Pengampunan mengadakan mesyuaratnya hari ini dengan dipengerusikan oleh Yang Dipertuan Agong Sultan Ahmad Shah di Istana Negara setelah menimbang rayuan terakhir dari Datuk Mokhtar, 42 tahun.

Di bawah kuasa undang-undang Malaysia, hanya Yang Dipertuan Agong menjadi sumber terakhir untuk menetapkan hukuman yang patut dijalankan.

Menurut kenyataan dari Jabatan Perdana Menteri, Jemaah Pengampunan itu telah mencapai keputusan tersebut setelah meneliti dan menimbang rayuan terakhir dari Datuk Mokhtar.

## Sejarah

Datuk Mokhtar dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Malaysia di sini setelah didapati bersalah atas tuduhan membunuh bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan, Datuk Mohamed Taha Talib, di Kampung Seri Asahan, Gemencheh dalam April 1982.

Beliau kemudian gagal dalam rayuan pertama

### Information

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
3 March 1984Reel Number:  
NL14465

Scroll to Top

Share

### Table of Contents

&lt; Previous | Page 1 ▾ | Next &gt;

#### Nama Akhbar

Berita Harian HARIAN BERBAHASA MELAYU YANG TUNCCAL DI SINGAPURA NO 10,596 SABTU, 3

#### BAJET 'HADIAH' UNTUK KITA

BAJET 'HADIAH' UNTUK KITA Potongan cukai 10% untuk semua tahun ini dan potongan lanjut kpd

#### Dalam Berita Minggu esok

Dalam Berita Minggu esok Bagaimana Sharifah Ami dan artis2 yang lain berbelanja KENAPA FILEM MENGENAI

#### DI DALAM

View Full Table of Contents &gt;

kepada Mahkamah Persekutuan dalam Julai tahun lalu.

Perbicaraan ke atas Datuk Mokhtar mencatatkan satu sejarah dalam kes jenayah mahkamah Malaysia kerana ia berjalan selama 75 hari.

Datuk Mokhtar didapati bersalah dari seramai enam orang yang pada asalnya juga menghadapi tuduhan tersebut. Beliau tetap mengaku tidak bersalah.

Dua orang lagi yang turut dibicarakan dengan Datuk Mokhtar di peringkat awal, termasuk ketua kampung Rahmat Satiman, telah dibebaskan.

Seorang lagi yang dituduh meninggal dunia semasa perbicaraan sedang dijalankan.

Hukuman mati yang asalnya dikenakan ke atas Datuk Mokhtar dianggap sebagai kes yang pertama kali pernah melibatkan seorang tokoh politik negara itu sejak merdeka dalam 1957.

Di bawah undang-undang Malaysia, Lembaga Pengampunan yang bertindak atas nasihat Peguam Negara berkuasa untuk meringankan hukuman mati kepada penjara seumur hidup yang berjalan selama 20 tahun.

Tetapi, satu pertiga dari masa hukuman itu boleh dikurangkan jika berkelakuan baik.

Dengan ini, Datuk Mokhtar dijangka dapat bebas kira-kira dalam 1995 kerana beliau telah ditahan di Penjara Pudu di sini sejak Jun 1982.

Di **Petaling Jaya**, isteri Datuk Mokhtar Datin Bahariah Mohamad Yusof berkejar segera ke Penjara Pudu sebaik saja diberitahu tentang keputusan itu.

Beliau seolah-olah tidak percaya ketika mendengar berita tersebut kira-kira 10 minit sebelum ia disiarkan

oleh Radio Malaysia tengah hari tadi dan terus ke Penjara Pudu untuk mengesahkan berita tersebut.

Sementara itu, seorang peguam berkata kira-kira 15,000 orang termasuk bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah merayu kepada Yang Dipertuan Agong supaya mengampunkan Datuk Mokhtar.

Satu kumpulan telah pergi ke merata negara itu untuk berkempen dan

dapat mengumpulkan kira-kira 15,000 tandatangan termasuk dari sebilangan tokoh politik kanan Malaysia. — Agensi.



**DATOK MOKHTAR**  
*Dijatuhkan hukuman mati kerana membunuh*

## Related Articles



### Datuk Mokhtar pendaftar klinik penjara

*Berita Harian 14 April 1984*

Datuk Mokhtar pendaftar klinik penjara XI ALA L'IMPI R, Jumaat Bekas M...

### Mahkamah mula dengar rayuan Mokhtar

*Berita Harian 8 June 1983*

Mahkamah mula dengar rayuan Mokhtar KUALA LUMPUR. Selasa. Mahkamah

### Mokhtar nafi bunuh Taha

*Berita Harian 14 July 1982*

Mokhtar nafi bunuh Taha Agensi. MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan,